



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

KENYATAAN MEDIA

EXPO BUSINESS IN TRANSFORMATION (BITe) 2023 – BUKA PELUANG CEBURI PERNIAGAAN MAMPU MILIK

SETIA ALAM, 4 MAC 2023 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menerusi agensinya Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) menyasarkan pembiayaan RM2 juta pada tahun ini untuk membangunkan 24 pra-françaisor dan 240 pra-françaisi manakala RM2.5 juta pula bagi pelaksanaan latihan modal insan melalui Program Business In Transformation (BIT).

Sehingga kini, sejumlah RM9.9 juta telah disalurkan kepada usahawan BIT yang berkeelayakan. Melalui program ini juga, PERNAS telah berjaya melahirkan 1,400 usahawan pra-françaisi BIT serta memberi peluang pekerjaan kepada lebih 2,800 orang.

Program BIT merupakan program mentransformasikan perniagaan kecil ke arah français dengan merangsang pertumbuhan model-model perniagaan ekonomi baru, unik dan berdaya maju. Sejak diperkenalkan pada tahun 2013, sebanyak 140 syarikat dari pelbagai sektor telah mendaftar dalam program BIT.

Bercakap ketika majlis perasmian Business In-Transformation Expo (BITe) 2023 di Shah Alam, YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP menyatakan, penganjuran BITe 2023 mampu menjadi platform terbaik untuk mempromosi program BIT kepada golongan sasar seterusnya melahirkan lebih ramai usahawan baharu khususnya dalam bidang francais dan pra-francais.

Sebanyak 60 jenama yang menyertai program hari ini antaranya Eyda Ice-Cream, Tisha's, Old Time Sengkuang, Breena Beauty, Warna, Apam Balik Kuhot, Mekeria, Keropok Getel dan lain-lain.

YB Datuk Ewon Benedick turut menyatakan penganjuran program ini adalah selaras dengan Pelan Strategik 2023 KUSKOP dalam menyediakan ekosistem yang kondusif, meningkatkan daya tahan dan daya saing usahawan pasca pandemik, selain memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan keusahawanan.

“Saya percaya perniagaan francais merupakan platform terbaik untuk melahirkan lebih ramai usahawan daripada kalangan PKS dan PERNAS terus komited membantu mereka untuk mentransformasikan perniagaan supaya mampu berdaya saing dengan jenama-jenama besar seterusnya dapat dikembangkan ke peringkat global.”

“Masyarakat mempunyai persepsi bahawa perniagaan francais memerlukan modal yang besar. Kini, masyarakat berpeluang menceburi perniagaan francais kerana terdapat pelbagai pakej perniagaan khususnya pra-francais

mampu milik yang boleh diteroka melalui penganjuran program BITE 2023.”
tambah beliau.

Selain itu, turut diadakan sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MOU) di antara PERNAS bersama Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dan penyampaian Anugerah BIT kepada usahawan cemerlang.

Hadir sama, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP dan YBhg Dato' Hazimah Zainuddin, Pengerusi PERNAS.

KUSKOP yakin bahawa pelaksanaan Belanjawan 2023 bertemakan Membangunkan Malaysia Madani dapat membangunkan sosioekonomi serta mengetengahkan solusi yang ampuh bagi membantu para usahawan dan koperasi ke arah kemampanan dan kelestarian perniagaan mereka.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Pertanyaan Media

Datin Suriani binti Abdul Rahman
Ketua Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
No. Tel: 03-8883 6152
E-mel: ukk@kuskop.gov.my